

<input checked="" type="checkbox"/>	Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/>	Mingguan Malaysia
Tarikh:	30/3/2011
Merk:	BARU MRS 30
Ruangan:	H/O KEMUDA

Wacana tampil pakar ekonomi terkemuka dunia

SINTOK 29 Mac - Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Kolej Perniagaannya, Othman Yusep Abdullah Graduate School of Business (OYAB), akan menganjurkan sesi wacana ilmiah yang menampilkan pakar ekonomi terkemuka dunia sebagai penceramah pada 15 April ini.

Pakar berkenaan ialah Prof. Lord Eatwell iaitu Presiden Queen's College, University of Cambridge yang

juga merupakan profesor Dasar Kewangan di Judge Business School, University of Cambridge.

Kaib Canelor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa ialah berkata, Eatwell akan menyampaikan syarahannya bertajuk *Business Management Discourses: International Financial Regulation* di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

"Dengan menekankan topik ba-

gaimana mengawal pengurusan kewangan dunia, ia diharap dapat memberi pendedahan kepada kita langkah mengelak krisis kewangan, mengurai isu masalah kewangan serta bagaimana mengelak daripada kemelut ekonomi apabila berlaku spekulasi di luar kawalan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Mohamed Mustafa berkata, ha-

nya tetamu tertentu akan dijemput untuk menghadiri syarahan tersebut kerana ia adalah kali pertama OYA menganjurkan wacana seumpama itu.

"Bagaimanapun, program akan datang akan dibuka pada umum kerana kita mahu syarahan daripada profesor terkemuka ini dapat dikongsi bersama rakyat Malaysia yang lain," katanya.

Justeru, beliau berkata, kehadiran Eatwell diharapkan dapat membuka lembaran baru kepada OYA untuk muncul sebagai antara sekolah perniagaan yang terkemuka di dunia sejajar dengan hasrat universiti sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Menurutnya, ini kerana OYA melerakkan sasaran untuk menjadi Top Business School di Malaysia pada

akhir tahun ini dan seterusnya terkemuka di Asia Pacific menjelang 2013 diikuti di peringkat dunia pada 2015.

Mengenai Eatwell, Mohamed Mustafa berkata, pakar ekonomi itu pernah menjadi penasihat ekonomi Neil Kinnock iaitu pemimpin Parti Buruh di Britain dan juga penasihat ekonomi Tony Blair, bekas Perdana Menteri Britain.